

## KENYATAAN MEDIA

### MBPJ JOHAN PERBARISAN MAULIDUR RASUL

MBPJ mengulangi kejayaan menujuarai acara perbarisan sempena sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri Selangor yang telah berlangsung di Stadium Malawati, Shah Alam.

Kontinen perbarisan MBPJ diketuai oleh En. Wan Abd Rahim Wan Ahmad, Penolong Pegawai Penguasa dan diperkuatkan seramai 50 anggota telah berjaya mengulangi kecemerlangan dalam penyertaan perbarisan sambutan Maulidur Rasul.

Perbarisan ini telah disertai sebanyak 120 kontinen daripada wakil Badan-badan Berkanun dan swasta, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta, masjid-masjid dan NGO Islam serta wakil daripada sekolah-sekolah di negeri Selangor.

Sambutan Maulidur Rasul peringkat Selangor tahun ini disambut meriah dengan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni AlMarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah AlHaj, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan banginda juga berkenan untuk menyempurnakan majlis pelancaran Bulan Dakwah Selangor 2012 yang diadakan di Stadium Malawati, Shah Alam.

Majlis yang dimulakan pada awal pagi itu telah dimulakan dengan barisan perarakan yang diketuai oleh Datuk Menteri Besar Selangor, Tan Sri Dato' Sri Abdul Khalid bin Ibrahim yang berjalan sejauh 1.6 kilometer bermula di stadium Mini dan berakhir di Stadium Malawati.

Majlis yang dihadiri hampir 10 ribu orang ini dimeriahkan lagi dengan persembahan pentas yang menampilkan kumpulan nasyid Hijaz dan In-Team. Manakala tazkirah ringkas diberi oleh Dr Zahazan Mohamad dengan tajuk "Persefahaman Asas Perpaduan Ummah".

Seramai lima tokoh diangkat menerima anugerah Khas Maulidur Rasul dalam kategori masing-masing yang didahului oleh Pengurus Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof yang menerima anugerah Umar Abdul Aziz. Beliau menerima hadiah wang tunai RM 15,000, sijil penghargaan, piala pusingan dan sepersalinan pakaian.

Manakala mantan Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd Najib Abdul Aziz menerima Anugerah Khalid Al-Walid. Anugerah Imam Al-Ghazali pula diberikan kepada Datuk Mohd Mokhtar Shafii, Dekan Universiti Islam Antarbangsa Malaysia (UIAM). Pensyarah, Universiti Putra Malaysia, Prof Dr. Azizah Osman pula diangkat

sebagai penerima Anugerah Saidatina Khadijah. Masing-masing menerima hadiah wang tunai RM10,000, sijil penghargaan, piala pusingan dan sepersalinan pakaian.

Manakala yang terakhir, bagi penerima Anugerah Saidina Ali, diterima oleh pelajar Sekolah Menengah kebangsaan Seksyen 7, Shah Alam, Nurfarah Anis Zainal Abidin dengan hadiah sejumlah RM5,000, sijil penghargaan, piala pusingan dan sepersalinan pakaian.

Di sediakan oleh:

**Sekretariat Media  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) , facebook: Petaling Jaya City Council,  
twitter : pjcitycouncil, emel : [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my)  
Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :  
Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, [zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my)  
Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884,  
[ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)